



UNTUK PENERBITAN SERTA MERTA

PELANCARAN REEF STAKES®: RADIANT HOPE VERSI BAHASA MELAYU

KUALA LUMPUR, 2 April – Reef Stakes®, pemenang tempat pertama dalam *International Educational Games Competition* (IEGC) ke-lapan telah berjaya melancarkan versi Bahasa Melayu awal minggu ini.

Versi ketiga permainan Reef Stakes®, yang diberi gelaran *Radiant Hope* ini menggantikan versi *Living Coral* (2019-2021). Proses penterjemahan permainan atas meja ini telah ditaja oleh geran sumbangan program AdvocaSEA oleh *Young Southeast Asian Leadership Initiative* (YSEALI).

Reef Stakes® merupakan permainan kad berasaskan persekitaran marin yang pertama di Malaysia.

Dicipta oleh empat (4) orang ahli konservasi marin, permainan ini menerapkan unsur mainan peranan dalam menyampaikan mesej pendidikan alam sekitar.

Permainan ini direka untuk menggambarkan kerumitan proses pembuatan keputusan yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan serta ancaman kepada ekosistem terumbu karang. Reef Stakes® menjanjikan satu pengalaman yang menyeronokkan, berinformasi dan meriah.

Penterjemahan permainan ini ke dalam Bahasa Melayu ini amat dinanti-nantikan oleh pengguna Reef Stakes® terutamanya dalam aktiviti advokasi dan pendidikan alam sekitar.

Menurut Adzmin Fatta, pengasas badan bukan kerajaan Green Semporna dan juga Pengurus Program di Reef Check Malaysia, Reef Stakes® versi Bahasa Melayu dapat meningkatkan lagi impak dan jangkauan pendidikan alam sekitar.

“Sebenarnya, saya telah menggunakan permainan atas meja ini dalam aktiviti bersama belia dan komuniti pesisir pantai di Sabah sejak tahun 2019. Hal ini adalah disebabkan Reef Stakes® berjaya menggabungkan elemen pendidikan alam sekitar dan keseronokan permainan secara berkesan.

Namun begitu, jangkauan permainan tersebut amat terhad memandangkan penduduk luar bandar kurang fasih berbahasa Inggeris. Dengan penterjemahan ini, saya lebih yakin untuk menggunakan Reef Stakes® pada masa akan datang.”



Reef Stakes®: Radiant Hope

Quek Yew Aun, pengasas bersama Reef Stakes®, berharap agar permainan ini dapat digunakan oleh lebih ramai lapisan masyarakat sekaligus memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan.

“Kami mendapati terdapat kekurangan dari segi permainan atas meja tempatan yang menggunakan Bahasa Melayu. Oleh itu, kami berazam menterjemah Reef Stakes® agar ianya setara dengan permainan Bahasa Melayu tersohor yang lain seperti Drama Pukul 7 serta dapat menyampaikan mesej alam sekitar secara berkesan.”

Beliau turut memaklumkan bahawa nama dan reka bentuk versi ini melambangkan harapan yang diperbaharui selepas muncul daripada banyak peristiwa mencabar pada tahun 2020 dan 2021. “*Radiant Hope*, bagi kami adalah semangat daya tahan, ketabahan dan kemanusiaan yang diperlukan untuk tahun 2022.” tambahnya lagi.

Reef Stakes®: Radiant Hope (versi English dan Bahasa Melayu) dijual pada harga RM110 (bersama tikar permainan). Individu yang berminat boleh mendapatkan permainan ini di laman Shopee: Terumbu Nusantara.



Hubungi kami:

Email: reefstakes@gmail.com

***Reef Stakes®** merupakan permainan kad berasaskan persekitaran marin yang pertama di Malaysia. menggambarkan kerumitan proses pembuatan keputusan yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan serta ancaman kepada ekosistem terumbu karang. Sejak dilancarkan pada tahun 2018, permainan ini telah dimainkan oleh lebih 3,000 orang dari semua lapisan masyarakat dengan lebih 400 unit dijual dan digunakan oleh sepuluh (10) NGO tempatan, dua (2) NGO serantau, tiga (3) universiti tempatan dan dua (2) pusat menyelam tempatan dalam sesi pembelajaran mereka. Reef Stakes® juga telah dimainkan di lebih 10 negara termasuk Jerman, Kemboja dan Taiwan. Reef Stakes® diumumkan sebagai pemenang dalam *International Educational Games Competition (IEGC)* ke-8 dalam kategori Permainan Bukan Digital, permainan kad buatan Malaysia pertama yang menerima anugerah antarabangsa berprestij ini.

Laman web

www.reefstakes.com.

Shopee advertisement: <https://shopee.com.my/Reef-Stakes%C2%AE-Radiant-Hope-Versi-Bahasa-Melayu--i.328323615.14063330040?xptdk=89891906-6d03-45d6-a42b-c04956c00f45>

Gambar-gambar tambahan



Pengasas bersama Reef Stakes®

(Dari kiri: Quek Yew Aun, Liew Hui Ling, Edmund Lau Chai Ming and Serena binti Adam)



Pelancaran Reef Stakes® pada tahun 2018



Reef Stakes® di acara permainan atas meja tempatan



Reef Stakes® digunakan oleh organisasi tempatan untuk pembelajaran

Poster-poster pelancaran:



Mengetahui

REEF STAKES®

Reef Stakes® ialah permainan kad bertemakan marin yang pertama di Malaysia dan telah memenangi Pertandingan Permainan Pendidikan Antarabangsa Ke-8.

Permainan ini direka bentuk untuk:

- mensimulasikan hubungan pelbagai pihak berkepentingan,
- memperkenalkan spesies marin yang paling ikonik di Malaysia, dan
- mengariskan ancaman yang dihadapi terumbu karang.



TESTIMONI

Terkini



"Permainan ini dapat membantu dalam menjalankan program kesedaran alam marin, dengan aktiviti yang seronok dan interaktif kepada orang awam."

Ahli konservasi

"Permainan yang amat baik bagi memperkenalkan ekosistem terumbu karang kepada orang awam."

Cikgu IPT



KAMI DI SHOPEE!

HANYA RM110/SET

SHOPEE: TERUMBU NUSANTARA